

Kajian Keberkesanan Penggunaan Laman Blog Sebagai Rujukan Pelajar Untuk Pusat Teknologi Di Politeknik Muadzam Shah

Faiznur Izzati Binti Mohd Sulaiman Shah
Politeknik Muadzam Shah
Email: faiznur@pms.edu.my

Izyan Dayana Binti Jonid
Politeknik Muadzam Shah

Abstrak

Dalam galakan untuk menjadikan laman blog adalah salah satu kaedah pelajar mendapatkan maklumat berkenaan dengan kursus yang diambil adalah dengan memberi alternatif baru selain menggunakan rujukan buku dan nota. Inovasi dalam pengajaran dan pembelajaran bagi menjana minda pelajar yang lebih kreatif dan inovatif dengan menghasilkan satu laman blog untuk rujukan pelajar Politeknik Muadzam Shah yang merupakan Pusat Teknologi sejak tahun 2013 lagi. Kajian mendapati pelajar sukar mendapatkan sumber rujukan berkenaan dengan bidang Automasi yang ditawarkan oleh Politeknik Muadzam Shah yang menyebabkan pelajar tidak berminat meneruskan pengajian dalam bidang ini diawal semester. Kajian tinjauan terhadap penggunaan laman blog dalam kalangan pelajar adalah untuk mengenalpasti bagaimana pelajar mengaplikasi rujukan tersebut dalam kursus yang terlibat. Data yang diperolehi menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen kajian. Bilangan responden ialah seramai 40 orang pelajar dari Program Diploma Kejuruteraan Mekanikal (Automasi). Dapatan kajian mendapati pelajar mendapat impak yang positif dengan mendapati bahawa ia membantu menambah ilmu pengetahuan dalam bidang yang diambil. Laman blog yang menarik juga dapat menarik minat pelajar untuk berkongsi maklumat berkaitan dengan Pusat Teknologi Politeknik Muadzam Shah kepada pelajar lain. Secara umumnya, penggunaan laman blog sebagai rujukan pelajar dalam memahami bidang automasi adalah sangat berkesan dan pelajar juga menggemari penggunaan blog oleh kerana faktor perkembangan teknologi dan juga isi kandungan yang menarik.

Kata kunci: Pusat Teknologi, blog, Automasi

1. Pendahuluan

Malaysia adalah sebuah negara yang membangun dan memerlukan modal insan yang berteraskan kreativiti dan inovasi bagi mencapai tahap sebuah negara maju pada tahun 2020. Sebuah negara maju pula memerlukan pendekatan teknologi yang sentiasa berkembang. Seiring

dengan perkembangan teknologi dan keperluan semasa, komunikasi dan teknologi memainkan peranan yang amat penting dalam bidang pendidikan bagi melahirkan modal insan yang berjaya. Perkembangan Teknologi Informasi dan Komunikasi dalam beberapa dekad terakhir ini adalah sangat cepat. Pemanfaatan teknologi terkini dalam dalam aktiviti pembelajaran tidak akan berlaku secara optimum apabila tidak ada kesediaan dari pihak-pihak yang berkaitan dengan pelaksanaan pendidikan (Komariah, 2016). Dengan ketidaksediaan seperti itu adalah sangat terhad dalam menyediakan media pembelajaran kepada masyarakat. Namun begitu, masyarakat kini gemar menggunakan teknologi dan kebergantungan kepada sains dan teknologi dalam semua aspek kehidupan adalah sangat tinggi. Dalam menerapkan unsur – unsur kreatif dalam pengajaran dan pembelajaran, penggerak utama kemajuan dan pembaharuan adalah penyebaran ilmu pengetahuan menerusi teknologi maklumat yang sedia ada. Definisi teknologi maklumat boleh disimpulkan sebagai satu proses pengaliran, penyebaran, pemprosesan dan penyimpanan maklumat menggunakan perantara teknologi (Zoraini Wati Abas, 1993).

Blog adalah singkatan daripada dua perkataan iaitu web dan blog atau *weblog*. Dunia penulisan telah dicipta oleh seorang pelajar dari Amerika Syarikat sejak 1994 lagi telah membuka lanskap dan dimensi baru dalam dunia penulisan moden. Penulisan blog lebih berbentuk jurnal dan catatan diari dengan isi kandungannya boleh dikongsikan untuk tatapan umum di internet. Pelbagai maklumat dan informasi dalam pendidikan juga boleh dikongsikan secara global. Pembaca juga boleh berinteraksi antara satu sama lain serta memberi komen dan ulasan yang membina terhadap informasi yang diberi.

Pusat Teknologi Politeknik Muadzam Shah seluruh Malaysia telah lama diperkenalkan sejak 2013 lagi. Antara inisiatif dalam Pelan Transformasi Politeknik adalah menubuhkan Pusat Teknologi atau dikenali sebagai *Centre of Technology (COT)* di Politeknik yang terpilih. Pusat Teknologi ini bertindak sebagai pusat untuk menggerakkan pengetahuan, kepakaran dan kemahiran Politeknik dalam bidang khusus bersama dengan pihak lain dengan bertujuan mewujudkan beberapa perkara yang dititik beratkan. Pusat Teknologi ini menekankan budaya perkongsian kepakaran, penyelidikan, inovasi dan kualiti pengajaran dan pembelajaran di bidang khusus. Selain itu, ia mengukuhkan kerjasama dengan komuniti dan industri, menggalakkan penulisan dan penerbitan ilmiah yang berkaitan, meningkatkan pencapaian dan pengiktirafan di peringkat antarabangsa dan menjana pendapatan melalui aktiviti khidmat kepakaran, penyelidikan dan perkongsian pengetahuan dalam bidang khusus.

Politeknik Muadzam Shah telah dipilih sebagai Pusat Teknologi dalam bidang Automasi yang merupakan satu – satunya bidang yang ditawarkan di Politeknik Malaysia. Dalam pelaksanaan automasi dalam industri merupakan satu daripada pemacu yang menyumbang kepada pertambahan produktiviti negara. Politeknik Malaysia telah menyahut cabaran dengan memperkenalkan Diploma Kejuruteraan Mekanikal (Automasi) pada Jun 2011. Mekanikal Automasi telah menjadi bidang

tujahan (*Niche Area*) bagi Politeknik Muadzam Shah yang telah menjadikan Politeknik ini Pusat Teknologi berasaskan Automasi.

Untuk memperkenalkan kepada pelajar baru yang telah mendaftar sebagai pelajar Diploma Kejuruteraan Mekanikal (Automasi) di Politeknik Muadzam Shah, blog *Centre of Technology* telah diperkenalkan untuk pelajar mendapatkan informasi bidang berkenaan dengan lebih meluas dan mendalam. Hasil keputusan soal selidik yang telah dijalankan terhadap pelajar tersebut, kajian keberkesanan penggunaan laman blog telah mendapat reaksi yang positif oleh kalangan pelajar. Laman blog tersebut membantu dalam menambah ilmu pengetahuan bidang Automasi dalam membantu memahami pelaksanaan automasi dalam industri.

2. Kajian Literatur

2.1 Laman Blog

Blog adalah sebuah diari atau jurnal *online* yang menyenaraikan pendapat atau pandangan tidak rasmi dan menghubungkan maklumat dengan pihak ketiga secara berkala tentang sesuatu topik. Blog juga mengandungi maklumat yang menggambarkan minat, pemikiran atau pendapat serta kronologi iaitu maklumat yang terbaru diletakkan di bahagian atas. Blog juga merupakan laman web yang memudahkan interaksi spontan serta berkongsi kepakaran melalui penulisan blog. Pemilik blog (atau juga dipanggil *blogger*) boleh mengubah format tarikh dan masa serta menyimpan penulisan tandap diterbitkan pada waktu tersebut. Ia juga boleh mempunyai pautan ke *website* lain yang dianggap menarik. Menurut Roger Yim (2001), penulisan blog adalah persilangan antara diari seseorang dan daftar pautan di Internet. Secara keseluruhannya, blog memainkan peranan penting dalam dunia pendidikan. Ini disebabkan oleh blog mendatangkan banyak faedah dimana pelajar dapat bertukar pendapat dan pandangan terhadap pelajaran (Noor Fazlinda, 2011).

Sebagai salah satu medium yang diharapkan akan menjadi satu bahagian dalam proses pembelajaran di pusat pengajian, *internet* juga mestilah mampu untuk memberikan khidmat yang baik untuk memastikan proses komunikasi interaktif antara rakan dapat berjalan dengan lancar. Dengan penggunaan laman blog, ia akan menyediakan peluang agar pembelajaran lebih menarik dan interaktif. Melalui blog juga, sumber bahan yang berkaitan boleh diterbitkan supaya dapat diakses oleh pelajar. Oleh itu, kesukaran pelajar dalam mengumpul sumber maklumat yang diperlukan dalam proses pembelajaran dapat diatasi. Oleh yang demikian, lama blog adalah salah satu media pembelajaran dan informasi yang strategik untuk meningkatkan proses pembelajaran aktif dan interaktif.

2.2 Pusat Teknologi (*Centre of Technology*) dalam bidang Automasi

Pusat Teknologi adalah bertujuan memenuhi Teras 4 iaitu memperkasa Pelan Strategik Politeknik Muadzam Shah yang melonjakkan Politeknik Muadzam Shah sebagai Institusi Peneraju TVET melalui penetapan beberapa KPI di bawah Program Transformasi Pendidikan Negara. Kelima – lima KPI tersebut adalah Kolaborasi bersama Industri, Perkhidmatan Konsultansi, Kajian dan Inovasi, Penerbitan dan juga Kecemerlangan pnyampaian Pengajaran & Pembelajaran. Bagi memenuhi keperluan pelajar pula, Politeknik Muadzam Shah menawarkan subjek berkaitan dengan bidang automasi. Antaranya ialah ‘*Application Automation System*’, ‘*Automation Programming*’, ‘*Industrial Robotics Automation*’ dan ‘*Computer Integrated Manufacturing*’. Kursus tersebut hanya ditawarkan di Politeknik Muadzam Shah yang mengambil Diploma Kejuruteraan Mekanikal (Automasi).

3. METODOLOGI

3.1 Rekabentuk Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif tinjauan meklalui soal selidik untuk mengumpulkan data. Sampel kajian adalah terdiri daripada 40 orang pelajar baharu yang merupakan Semester 1 yang baru mendaftar sebagai pelajar Politeknik Muadzam Shah dalam bidang Diploma Kejuruteraan Mekanikal (Automasi). Bilangan sampel adalah terdiri daripada 10% daripada populasi iaitu 40 pelajar dari keseluruhan jumlah pelajar yang memilih bidang Automasi di Politeknik Muadzam Shah. Instrumen kajian ialah soal selidik mengandungi 10 soalan dimana menyatakan bahawa berapakah peratusan impak daripada sumber rujukan laman blog yang dibangunkan untuk kegunaan pelajar baharu yang tidak mengenali bidang yang diambil iaitu Automasi. Menurut (Sukmadinata, 2006), kajian deskriptif dapat membekalkan data yang penting untuk penyelidikan dan ia membolehkan penerangan dilakukan terhadap sesuatu fenomena dengan menganalisa data – data yang diperolehi dari soal selidik. Kaedah soal selidik ini digunakan untuk mengenalpasti tahap penggunaan, laman blog yang membolehkan pelajar berkongsi maklumat dengan pelajar yang lain dan juga keberkesanan penggunaan laman blog bagi membantu penambahkan ilmu pengetahuan dalam bidang yang diambil iaitu Automasi. Kaedah yang mudah ini akan disii oleh pekaajar dan akan diproses mengikut kaedah para analisis oleh para penyelidik.


3.2 Soal Selidik

Teknik umum yang digunakan oleh para penyelidik di mana responden diminta untuk memberikan jawapan atas item bertanya. Penggunaan set soal selidik untuk penelitian ini adalah dapat meningkatkan ketetapan maklumat yang diperolehi dari responden. Ini kerana maklumat yang diperolehi tidak akan terpengaruh oleh para penyelidik, terutama hal emosi (Mohd Majid, 2003).

4. DAPATAN KAJIAN

Penentuan tahap penggunaan laman blog berdasarkan peratusan impak positif setelah melayari laman blog yang disediakan adalah seperti rajah 4.1.

Hasil keputusan menunjukkan lebih 80% pelajar mendapat informasi yang menjadikan mereka mendapat impak yang positif. Pelajar mendapat penambahan ilmu pengetahuan tentang automasi menerusi laman blog yang disediakan. Daripada sudut pendidikan, teknologi ini dilihat sebagai mempunyai potensi untuk meningkatkan penglibatan pelajar dan menyediakan persekitaran bagi kerjasama dan pembinaan pengetahuan (Suzlina Hilwani, 2016).




Rajah 4.1 : Peratusan pelajar mendapat impak yang positif.


Manakala peratusan pelajar berkongsi maklumat dengan pelajar lain setelah melayari laman blog yang disediakan adalah sebanyak 90%. Rujuk kepada rajah 4.2, majoriti pelajar yang telah melayari lama blog untuk mendapatkan maklumat berkenaan dengan bidang Automasi telah berkongsi maklumat tersebut kepada pelajar lain. Dapatan kajian juga mendapati bahawa laman blog berupaya menggalakkan pembelajaran kolaboratif ciri –ciri blog yang berupaya menghubungkan pengguna – pengguna blog seperti pelajar untuk aktiviti pembelajaran dan pengajaran (P&P).

Dengan paparan laman blog yang menarik, pelajar juga berminat melibatkan diri secara aktif dalam sesuatu kumpulan perbincangan tentang sesuatu tajuk. Pelajar juga dilihat mempunyai tahap pemahaman yang tinggi dalam sesuatu pembelajaran. Untuk laman blog yang disediakan oleh Pusat Teknologi, pelajar dapat mendapatkan maklumat pembelajaran berkaitan dengan bidang yang mereka pilih iaitu automasi. Ini boleh merujuk pada rajah 4.3, bahawa 60% pelajar mendapati laman blog ini dapat menampah ilmu pengetahuan berkenaan


bidang yang diambil. Peratusan pelajar yang memberi pandangan terhadap laman blog yang disediakan untuk mereka adalah lebih dari 50% bersetuju ia menarik perhatian mereka. Rajah 4.4 menunjukkan 60% pelajar bersetuju ia merupakan paparan blog yang menarik. Manakala dengan peratusan 80% dari rajah 4.5, pelajar memberi markah yang tinggi berkenaan dengan isi kandungan laman blog yang disediakan oleh Pusat Teknologi berkenaan dengan automasi.




Rajah 4.2: Peratusan pelajar berkongsi maklumat setelah melayari laman blog



Rajah 4.3: Peratusan kepuasan pelajar dalam membantu menambah ilmu pengetahuan terhadap bidang Automasi



Rajah 4.4: Peratusan kepuasan pelajar dalam melayari paparan laman blog



Rajah 4.5: Peratusan markah isi kandungan laman blog 'Centre of Technology (COT)'

5. KESIMPULAN

Penggunaan laman blog sebagai medium pembelajaran adalah sangat mudah digunakan untuk institusi yang tentunya mempunyai kemudahan komputer dan internet yang cukup. Dengan kemudahan yang interaktif ini, pelajar dapat menambahkan ilmu pengetahuan serta boleh berinteraksi juga bersama pensyarah dengan mengadakan perbincangan keseluruhan topik didalam laman blog tersebut. Dalam kaedah ini, pensyarah politeknik juga pelaksana Pusat Teknologi Politeknik Muadzam Shah dapat menyalurkan maklumat berkaitan dengan Automasi yang dimana ia hanya ditawarkan di Politeknik Muadzam Shah sahaja. Ia adalah alat kolaboratif kerana struktur blog yang membolehkan kita membuat catatan dan ulasan secara individu juga membolehkan komen dan ulasan dibuat dalam bentuk berkumpulan. Ciri ini menyebabkan blog berpotensi sebagai medium untuk menggalakkan proses sosio-konstruktivis dalam situasi pengajaran dan pembelajaran.

REFERENCES

- Ahmad Kholiqul Amin dan Novi Mayasari, (2015). *Pengembangan Media pembelajaran berbentuk Aplikasi Android Berbasis Weblog untuk meningkatkan Hasil Belajar Mahasiswa Pendidikan Matematika IKIP PGRI BOJONEGORO*, Magistra No 94. Th.XXVII
- Ari Sudibjo, Wasis, (2013). Penggunaan Media Pembelajaran Fisika Dengan E-Learning Berbasis EDMODO BLOG EDUCATION Pada Materi Alat Optik Untuk Meningkatkan Respons Motivasi Dan Hasil Belajar Siswa Di SMP Negeri 4 Surabaya, *Jurnal Inovasi Pendidikan Fisika* Vol. 02 No.03, 187-190
- Dwi Budi Santoso, (2009). Pemanfaatan Teknologi Search engine Optimization sebagai Media untuk meningkatkan Popularitas Blog Wordpress , *Jurnal teknologi Informasi DINAMIK* Volume XIV, No.2
- Norraqma Aqmal, (2011). Penerapan elemen Inovasi dalam pengajaran dan pembelajran Kursus-kursus Pendidikan teknikal dan Vokasional, University Teknologi Malaysia
- Norliza Hussin, Mohamad Sattar Rasul, Roseamnah, (2013). Penggunaan Laman Web Sebagai Transformasi dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam, *The Online Jurnal of Islamic Education* Vol. 1 Issue 2,
- Nur Komariah, (2016). Pemanfaatan Blog Sebagai Media Pembelajaran Berbasis ICT, *Jurnal I-Afkar* Vol. V No.1
- Suzlina Hilwani & Jamaludin Badusah, (2016). Tahap Pengetahuan, Kemahiran dan Sikap Guru Sekolah Menengah Terhadap Penggunaan Web 2.0 Dalam Pengajaran Bahasa Melayu, *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu-JPBM* Issn: 2180-4842, Vol 6, Bil 2
- Sukmadinata, (2006). *Buku Metode Penelitian Kualitatif*. Bandung : Graha Aksara